

MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

6hb Disember 2013

No. 49

No. 43367.

HARI KELEPASAN AM 2014

PINDAAN

Dalam Jadual Pemberitahuan *Warta* No. 28675 yang disiarkan pada 29 Julai 2013 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "23 Oktober 2014" dan perkataan "Khamis" yang terdapat bersempitan dengan "Hari Deepavali" dengan perkataan "22 Oktober 2014" dan perkataan "Rabu".

AKTA SYARIKAT 1965
(Akta 125)


COMPANIES ACT 1965
(Act 125)

No. 43368.

PEMOTONGAN NAMA SYARIKAT MENURUT SUBSEKSYEN 308(4)

STRIKING OFF COMPANY NAME PURSUANT TO SUBSECTION 308(4)

Bahawasanya Pendaftar ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa setiap syarikat yang tersebut dalam ruang (1) Jadual tidak lagi menjalankan perniagaan atau beroperasi:



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 24

28hb November 2013

TAMBAHAN No. 139
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 473.

PELANTIKAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI
BAGI NEGERI SARAWAK

DIBERITAHU untuk pengetahuan umum bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di bawah dan menurut kuasa-kuasa dan kewibawaan bagi maksud itu yang diberikan kepadanya oleh Perkara 1 Perlembagaan Negeri Sarawak, dan setelah berunding dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Sarawak, telah dengan limpah kurnianya berkenan melantik Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin sebagai Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sarawak sehingga 28 Februari 2014 berkuat kuasa mulai 5 Disember 2013.

[PM(BK)R. 12683; PN(PU2)614/II]

APPOINTMENT OF HIS EXCELLENCY THE YANG DI-PERTUA NEGERI
OF THE STATE OF SARAWAK

IT IS NOTIFIED for general information that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has, under and by virtue of the powers and authorities in that behalf conferred upon him by Article 1 of the Constitution of the State of Sarawak, and after consultation with the Most Honourable the Chief Minister of the State of Sarawak, graciously appointed Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin as the Yang di-Pertua Negeri of the State of Sarawak until 28 February 2014 with effect from 5 December 2013.

[PM(BK)R. 12683; PN(PU2)614/II]

P.U. (B) 474.

AKTA HARI KELEPASAN 1951

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 8

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*], Perdana Menteri menetapkan Nuzul Al-Quran sebagai hari kelepasan am di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai tambahan kepada hari yang disebut dalam Jadual Pertama Akta.

Permulaan kuat kuasa

2. Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

HOLIDAYS ACT 1951

NOTIFICATION UNDER SECTION 8

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Holidays Act 1951 [*Act 369*], the Prime Minister appoints Nuzul Al-Quran as a public holiday in the Federal Territory of Kuala Lumpur and the Federal Territory of Putrajaya in addition to the days mentioned in the First Schedule of the Act.

Commencement

2. This notification comes into operation on 1 January 2014.

Bertarikh 22 November 2013

Dated 22 November 2013

[PM(BK)R.10594/4 Jld. 8; PN(PU2)176/IV]

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri/Prime Minister

P.U. (B) 475.

AKTA HARI KELEPASAN 1951

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 8

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*], sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Peluasan dan Ubah Suaian Akta Hari Kelepasan 1951) 2005 [*P.U. (A) 511/2005*], Perdana Menteri menetapkan Nuzul Al-Quran sebagai hari kelepasan am di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai tambahan kepada hari yang disebut dalam Jadual Pertama Akta.

Permulaan kuat kuasa

2. Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.